

# **TRIBUNAL BAGI ANTI GANGGUAN SEKSUAL: MEKANISME PENYELESAIAN ALTERNATIF KES GANGGUAN SEKSUAL DI MALAYSIA**

**NORAZLA ABDUL WAHAB**

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia<sup>1</sup>.  
E-mel: [norazla@kuis.edu.my](mailto:norazla@kuis.edu.my)

## **ABSTRAK**

Gangguan seksual ialah perlakuan berunsur seksual yang tidak diingini, dilakukan terhadap seseorang sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terganggu. Walaupun terdapat beberapa perundangan berkaitan antigangguan seksual di Malaysia seperti Kanun Keseksuaan, Akta Kerja (Pindaan) 2012, Kod Amalan Membasmi dan Mencegah Gangguan Seksual serta Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan sebagainya, namun terdapat beberapa kekangan berkaitan pelaksanaan undang-undang tersebut dalam memberikan pembelaan sewajarnya terhadap mangsa. Rang Undang-undang (RUU) Antigangguan Seksual 2021 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 20 Julai 2022 telah mencadangkan penubuhan satu tribunal khas sebagai mekanisme penyelesaian alternatif kes gangguan seksual di Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini akan menganalisis kerangka perundangan penubuhan tribunal khas bagi antigangguan seksual seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian II RUU Antigangguan Seksual 2021 tersebut. Analisis akan dibuat terhadap artikel akademik serta dokumen perundangan seperti RUU Antigangguan Seksual 2021, undang-undang lain yang berkaitan dan hansard parlimen. Kajian mendapati tribunal bagi antigangguan seksual ini memberikan penekanan terhadap beberapa aspek seperti bidang kuasa tribunal, keanggotaan tribunal, prosiding dan perjalanan persidangan tribunal, award serta perintah tribunal, remedii dan penalti bagi kegagalan untuk mematuhi award. Namun masih terdapat ruang penambahbaikan terhadap tribunal khas tersebut seperti yang dibahaskan oleh ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam Mesyuarat ke-2, Penggal ke-5, Parlimen ke-14 pada Julai dan Ogos 2022 yang lalu.

**Kata kunci:** *Antigangguan Seksual, Gangguan Seksual, Penyelesaian Pertikaian Alternatif, Perlindungan Mangsa, Tribunal.*

## **PENDAHULUAN**

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa terdapat 3,060 kes gangguan seksual pada tahun 2018 dan berlaku peningkatan kepada 3,487 kes pada tahun 2019 (PDRM, 19 Oktober 2021). Walaubagaimanapun, kes gangguan seksual ini sedikit menurun pada tahun 2020 dan sehingga Ogos 2021 iaitu masing-masing sebanyak 3,176 dan 2,191 kes (PDRM, 19 Oktober 2021). Namun penurunan angka ini bukanlah signifikan kerana kesedaran untuk melaporkan kes gangguan seksual masih lagi rendah dalam kalangan mangsa (Faridah Awang et al., 2020).

Berdasarkan soal selidik Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pada tahun 2019 terhadap 28,852 responden yang berusia 21 hingga 40 tahun di negara ini, hanya 1,796 atau 6.3 peratus responden akan membuat laporan, manakala majoriti 93.7 peratus memilih untuk tidak membuat laporan (Warta Oriental, 29 September 2022). Malah kajian ini turut mendedahkan bahawa seramai 17,925 responden atau 62 peratus menyatakan undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes gangguan seksual (Warta Oriental, 29 September 2022).

Dalam kajian Faridah Awang et al., 2020 yang melibatkan orang awam seramai 28,852 responden yang terdiri daripada 23,796 orang wanita (82.5%) dan 5,056 orang lelaki (17.5%)

menunjukkan bahawa 64 peratus daripada mereka iaitu seramai 18,457 orang responden pernah menjadi mangsa kes gangguan seksual. Kajian Suhaili dan Adawiyah (2019) juga mendedahkan sejumlah 80 peratus responden wanita mengaku bahawa mereka mengalami gangguan seksual tanpa mengira umur, rupa fizikal, taraf pendidikan dan taraf perkahwinan mereka. Ini menunjukkan bahawa kes gangguan seksual masih terus berlaku di negara ini dan telah menjadi fenomena global sama ada di tempat kerja, institusi pendidikan, institusi ketenteraan, tempat awam (Siti Marziah et al., 2019) dan dalam kalangan atlet sukan (Syarifah Fathynah, 21 Julai 2017).

Gangguan seksual ialah perlakuan berunsur seksual yang tidak diingini, dilakukan terhadap seseorang sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal (Rozana Abdullah, 2021) yang akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung, terhina atau terganggu. Gangguan ini telah menimbulkan rasa tidak selesa kepada mangsa, memberikan tekanan emosi kepada mangsa dan mangsa tidak dapat fokus dengan pekerjaan yang sedang mereka lakukan (Siti Marziah et al., 2019).

Walaupun terdapat beberapa perundangan berkaitan antigangguan seksual di Malaysia seperti Kanun Keseksaan, Akta Kerja (Pindaan) 2012, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hubungan Perusahaan 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Kod Amalan Membasmi dan Mencegah Gangguan Seksual serta Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan sebagainya namun masih terdapat beberapa kekangan berkaitan pelaksanaan undang-undang tersebut dalam memberikan pembelaan sewajarnya terhadap mangsa.

Pada 20 Julai 2022, Rang Undang-undang Antigangguan Seksual 2021 (RUU AGS 2001) telah diluluskan oleh parlimen antaranya ialah dengan mencadangkan penubuhan satu tribunal khas sebagai mekanisme penyelesaian alternatif kes gangguan seksual di Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini akan menganalisis kerangka perundangan tribunal khas bagi kes antigangguan seksual seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian II RUU tersebut.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap beberapa dokumen perundangan seperti Kanun Keseksaan, Akta Kerja (Pindaan) 2012, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hubungan Perusahaan 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Kod Amalan Membasmi dan Mencegah Gangguan Seksual serta Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan lain-lain. Kandungan di dalam pernyata rasmi atau hansard Parlimen bertarikh 19 Julai 2022, 20 Julai 2022 dan 11 Ogos 2022 iaitu bacaan kedua dan ketiga RUU Antigangguan Seksual 2021 turut dianalisis bagi mengenal pasti perkembangan penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual Akta 792, kerangka perundangan dan cadangan pelaksanaannya di Malaysia.

## **PERBINCANGAN**

## Gangguan Seksual Menurut Perundangan di Malaysia

Gangguan seksual merangkumi perbuatan secara fizikal, lisan, isyarat, visual dan psikologi (Faridah Awang et al., 2020). Namun pemahaman masyarakat mengenai bentuk-bentuk gangguan seksual tersebut masih lagi rendah (Faridah Awang et al., 2020). Jadual 1 di bawah menjelaskan bentuk-bentuk dan contoh-contoh gangguan seksual.

| Bil | Bentuk Gangguan Seksual | Penerangan   | Contoh  |
|-----|-------------------------|--|---|
| 1   | Fizikal                 | Perbuatan atau sentuhan fizikal yang berunsur seksual  | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa</li> <li>● Memegang,</li> <li>● Menggesel</li> <li>● Menggeletek,</li> <li>● Memeluk,</li> <li>● Menepuk,</li> <li>● Mengusap</li> <li>● Menggosok</li> <li>● Mencubit</li> <li>● Memicit</li> <li>● Mencium</li> <li>● Meraba</li> <li>● Sebarang bentuk sentuhan lain yang berunsur seksual</li> <li>● Memberikan pelukan yang membolehkannya menyentuh payudara, kemaluan atau punggung orang lain.</li> </ul> |
| 2   | Lisan                   | Penggunaan sosial dan bunyi-bunyian yang berunsurkan lucah   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pernyataan, komen, usikan tentang rupa paras atau tubuh badan seseorang, memberi komen tentang saiz buah dada, kemaluan atau punggungnya.</li> <li>● Permintaan, cadangan untuk hubungan atau layanan seksual.</li> <li>● Mengajak keluar secara berduaan walaupun telah ditolak berulang kali.</li> <li>● Perbualan dan keadaan yang biasa bertukar menjadi kurang selesa dan memalukan hanya dengan menyelitkan perkataan, komen, kiasan dan lawak jenaka yang berunsur seksual.</li> </ul>                      |
| 3   | Isyarat                 | Sikap atau pelakuan seseorang yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsur seksual.                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kenyit mata</li> <li>● Menjilat bibir</li> <li>● Menjelirkan lidah,</li> <li>● Menunjukkan seluar tidak berzip</li> <li>● Merenung, menjeling atau memandang dengan tidak sopan yang tertumpu pada bahagian-bahagian tubuh seperti buah dada atau punggung.</li> </ul>   |
| 4   | Visual                  | Pelakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), short messaging system (SMS) atau mesej melalui media ocial | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menunjukkan alat kelaminnya (flasher).</li> </ul>  |

|   |           |   |   |
|---|-----------|---|---|
|   |           | seperti WhatsApp, Telegram, Facebook, gambar (foto), poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual melalui penggunaan sebarang bentuk peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada pengadu yang menyebabkan pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut.                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menunjuk, mempamer atau mengedor gambar/ lakaran/bahan-bahan berunsur lucah.</li> <li>● Menghantar, mengirim surat/nota bertulis/mesej yang berunsur seksual.</li> <li>● Pemaparan gambar lucah,</li> </ul>  |
| 5 | Psikologi | Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual penganggu sama ada melalui surat, telefon, e-mel , media sosial atau sebarang bentuk peralatan komunikasi kepada pengadu sehingga menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas pengadu. | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jemputan sosial yang tidak diingini yang berulang-ulang.</li> <li>● Ajakan, rayuan berterusan untuk temu janji atau kegiatan berunsur seksual.</li> <li>● Gangguan berunsur seksual yang menghasilkan ketakutan mental.</li> <li>● Pujuk rayu untuk mengadakan hubungan intim, pernyataan yang mengenakan syarat berbentuk seksual atas keadaan di tempat kerja, samada penentuan gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya. (membenarkan untuk membiarkan tubuhnya disentuh untuk kenaikan pangkat dll), mengajak keluar bersosial (dan tidak diingini oleh mangsa).</li> </ul> |

Jadual 1: Jenis Gangguan Seksual

Sumber: Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999); Faridah Awang et al., 2020; Siti Fatimah, 2022

Selain itu, dalam kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak lwn. Asmah Hj Mohd Nor* [2016] 6 CLJ 346, Mahkamah memutuskan bahawa kata-kata lucah terhadap defendant serta jenaka kotor berunsur seksual di hadapan defendant dan kakitangan-kakitangan yang lain merupakan gangguan seksual terhadap mangsa. Manakala dalam kes *Loganathan Maniam lwn. Murphy Sarawak Oil Co Ltd* (2020) 2 ILR 275, Mahkamah Industri Malaysia memutuskan pemangsa telah melakukan gangguan seksual apabila; memanggil mangsa dengan perkataan “sayang” di hadapan kakitangan yang lain, tindakan fizikal yang tidak senonoh dengan meletakkan tangan ke atas bahu mangsa, bersalaman setiap hari tanpa sebab dan menyentuh pipi mangsa, memberikan hadiah yang tidak diingini seperti jambangan bunga dan minyak wangi, memberikan perhatian khusus kepada mangsa dan meminta mangsa melakukan pekerjaan di luar bidangnya seperti menjemput di lapangan terbang, membelikan pakaian makan malam kepada mangsa dan meminta mangsa membawanya ke bilik hotel.

Dalam konteks di Malaysia, terdapat beberapa perundangan berkaitan gangguan seksual seperti Kanun Keseksaan, Akta Kerja (Pindaan) 2012, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hubungan Perusahaan 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Kod Amalan Membasmi dan Mencegah Gangguan Seksual serta Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan lain-lain. Namun tidak ada satu akta khas berkaitan anti gangguan seksual di Malaysia pada ketika itu seperti yang

terdapat di Filipina (*Anti-Sexual Harassment Act 1995*), Perancis (*Labour Code*), Russia (*Criminal Code*), United Kingdom (*Sex Discrimination Act 1975*) dan Pakistan (*Protection against Harassment of Women at the Workplace Act 2010*) (Rozana Abdullah, 2021).

Jadual 2 di bawah menerangkan mengenai peruntukan perundangan sedia ada berkaitan gangguan seksual di Malaysia:

| Akta                                       | Seksyen                        | Perincian   |
|--|--------------------------------|---|
| Kanun Kseskaan                             | Seksyen 293                    | Kesalahan menjual bahan lucah kepada orang muda.<br>Hukuman: Penjara sehingga lima tahun, atau denda, atau dengan kedua-duanya.   |
|  | Seksyen 294                    | Kesalahan berkaitan nyanyian lucah<br>Hukuman: Penjara sehingga tiga bulan, atau denda, atau dengan kedua-duanya.   |
|  | Seksyen 354                    | Perbuatan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu.<br>Hukuman: Penjara sehingga sepuluh tahun, atau denda, atau sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.                                     |
|  | Seksyen 355                    | Perbuatan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud dengan jalan demikian itu hendak menjatuhkan kehormatan orang itu, kecuali atas bangkitan-marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu,<br>Hukuman: Penjara sehingga dua tahun, atau denda, atau dengan kedua-duanya.   |
|  | Seksyen 509                    | Perbuatan mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu.<br>Hukuman: Penjara sehingga lima tahun, atau denda, atau kedua-duanya. |
|  | Seksyen 376(2)(f):             | Rogol dengan kerelaannya, apabila kebenaran diperolehi dengan menggunakan kedudukan berkuasanya terhadap perempuan itu atau kerana hubungan professional atau hubungan amanah lain yang berhubung dengannya.<br>Hukuman: Penjara 20 tahun dan sebatan.  |
|  | Seksyen 377D                   | Kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian;<br>Hukuman: Penjara sehingga dua tahun.  |
| Perlembagaan Persekutuan                   | Artikel 8(2)                   | Larangan diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina.<br>(Gangguan seksual adalah salah satu bentuk diskriminasi berdasarkan gender).  |
| Akta Kerja 1955, Akta Kerja (Pindaan) 2012 | Bahagian XVA- Gangguan Seksual | Definisi gangguan seksual: Apa-apa tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual gerak geri atau secara fizikal yang ditujukan terhadap seseorang yang menjelik atau menghina atau merupakan satu ancaman kepada kesejahteraannya.   |

| Akta   | Seksyen      | Perincian   |
|--|--------------|---|
|  | s. 81A- 81G  | Mengandungi tatacara mengendalikan sebarang aduan gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja.  |
| Akta Komunikasi dan Multimedia 1998  | s. 233       | Larangan kepada kandungan yang jelik, menyinggung dan tidak senonoh.  |
| Akta Hubungan Perusahaan 1967<br><br>Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.      | s.13         | Prosedur untuk memasukkan polisi berkaitan gangguan seksual dalam perjanjian kolektif yang dibuat antara Ketua-Ketua Kesatuan Sekerja dengan majikan sebagai kontrak perkhidmatan.  |
|  | s.14         |   |
|  | S. 15(1)     | Peruntukan untuk majikan melindungi pekerja daripada pelbagai ancaman di tempat kerja.  |
| Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997                         | s.29         | Larangan perlakuan yang tidak sopan dan bertentangan dengan undang-undang Islam.<br>Hukuman: Denda sebanyak RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.  |
|  | s. 35        | Seseorang yang menggalakkan, memaksa atau meminta seseorang untuk terlibat dengan sesuatu jenayah (seksual) boleh didapati bersalah.<br>Hukuman: Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.   |
| Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017                               | s. 14 & s.15 | Melibatkan mangsa gangguan seksual kanak-kanak (amang fizikal/ bukan fizikal)<br>Amang Fizikal: Menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak; kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain; kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau<br>Amang Bukan Fizikal: Membuatkan seseorang kanak-kanak menunjukkan anggota badannya; mengendap atau mengintip, melakukan aktiviti seksual di hadapan kanak-kanak. |
| Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (17 Ogos 1999)   |              | Panduan kepada majikan untuk membasmi gangguan seksual dan merupakan mekanisme dalaman untuk mencegah gangguan seksual di tempat kerja. Terpakai di luar tempat kerja tetapi bagi satu urusan kerja seperti majlis-majlis sosial, majlis-majlis yang dianjurkan oleh majikan, dalam perjalanan yang melibatkan urusan pejabat, latihan, mesyuarat atau melalui telefon atau media elektronik yang lain.   |
| Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan |              | Surat pekeliling yang mempunyai garis panduan yang lebih komprehensif untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja bagi penjawat awam di Malaysia.  |

| Akta  | Seksyen      | Perincian   |
|---|--------------|---|
| Seksual di Tempat kerja   |              |   |
| Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 | Peraturan 4A | Larangan melakukan gangguan seksual oleh pegawai awam terhadap orang lain.  |
| Tort-Gangguan Seksual   |              | Mangsa gangguan seksual dapat mencari penyelesaian dari segi menfaillkan saman sivil di bawah Tort- Gangguan di Mahkamah. |

Jadual 2: Perundangan berkaitan Gangguan Seksual di Malaysia  
Sumber: Faridah Awang et al., 2020, Abdullah, R. (2021); Fatimah, 2022.

### **Kekangan Penguatuasaan Undang-undang Anti Gangguan Seksual di Malaysia**

Walaupun terdapat banyak perundangan berkaitan gangguan seksual seperti yang dijelaskan dalam Jadual 2 di atas, namun undang-undang tersebut mempunyai kekangan tersendiri umpamanya berkaitan remedi kepada mangsa seperti pembayaran ganti rugi atau pampasan serta liabiliti penganggu (Mahazir et al., n.d.) selain hukuman sedia ada seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang seperti Kanun Keseksaan tetapi ia memerlukan beban pembuktian yang tinggi iaitu melampaui keraguan munasabah (beyond reasonable doubt).

Selain itu, pelaksanaan dan penguatuasaan undang-undang tersebut agak longgar selain tertakluk kepada bidang kuasa (jurisdiction) atau terpakai dalam kelompok tertentu. Akta Kerja 1955 umpamanya hanya dikuatkuasakan di tempat kerja. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula hanya terpakai untuk kes gangguan yang berlaku dalam talian. Manakala Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 hanya terpakai dalam kes melibatkan kanak-kanak dan Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 hanya melibatkan orang Islam yang menetap di Wilayah Persekutuan (Rozana Abdullah, 2021). Walaupun terdapat pilihan lain seperti memulakan tindakan saman gangguan seksual di bawah undang-udang tort tetapi ia akan memakan masa yang agak panjang dan melibatkan kos yang banyak.

Jadual 3 di bawah menerangkan berkaitan kekangan dalam undang-udang gangguan seksual sedia ada di Malaysia yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada penguatuasaan undang-undang dalam memberikan pembelaan sewajarnya kepada mangsa:

| Akta            | Seksyen     | Kekangan |
|-----------------|-------------|----------|
| Kanun Keseksaan | Seksyen 293 |          |

| <b>Akta</b>  | <b>Seksyen</b>                            | <b>Kekangan</b>   |
|--|---|---|
|  | Seksyen 294                               | Beban pembuktian adalah di peringkat mangsa dan pendakwaan memerlukan bukti yang kukuh dan melampaui keraguan munassabah (beyond reasonable doubt) untuk menunjukkan gangguan berlaku. Dalam kebanyakan kes, sukar untuk mendapatkan bukti dan saksi.       |
|  | Seksyen 354                               |   |
|  | Seksyen 355                               |   |
|  | Seksyen 509                               |   |
|  | Seksyen 376(2)(f)                         |   |
|  | Seksyen 377D                              |   |
| Perlembagaan Persekutuan   | Artikel 8(2)                              | Masih berlaku diskriminasi berdasarkan gender.  |
| Akta Kerja 1955, Akta Kerja (Pindaan) 2012                       | Bahagian XVA-Gangguan Seksual s. 81A- 81G | Akta ini hanya dikuatkuasakan di dalam tempat kerja dan tidak boleh dikuatkuasakan di tempat awam.<br>Hanya antara majikan dan pekerja dan turut memberi kelonggaran untuk majikan untuk melaksanakannya (menjalankan siasatan terhadap aduan yang dibuat). |
| Akta Komunikasi dan Multimedia 1998                              | s. 233                                    | Hanya bagi kes gangguan atas talian   |
| Akta Hubungan Perusahaan 1967                                    | s.13                                      | Tiada peruntukan untuk melindungi mangsa daripada perlakuan gangguan seksual di tempat kerja.   |
|  | s.14                                      | Akta ini hanya mengambil kira perlakuan bahaya yang melibatkan kekerasan fizikal sahaja sedangkan gangguan seksual turut melibatkan perlakuan yang mempamerkan objek lucu atau menggunakan kata-kata lucuah.  |
| Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994                    | S. 15(1)                                  | Tidak menjelaskan secara spesifik mengenai keselamatan pekerja daripada gangguan seksual.   |
| Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 | s. 29                                     | Terpakai kepada individu yang beragama Islam dan tinggal di Wilayah Persekutuan.  |
|  | s.35                                      | Hukuman yang rendah dan tidak setimpal dengan kesan trauma yang ditanggung mangsa.  |
| Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017       | s. 14 & s.15                              | Melibatkan mangsa kanak-kanak   |
| Kod Amalan Untuk Mencegah Dan                                    |   | Ia hanya satu garis panduan bagi majikan untuk menggubal satu dasar mengenai gangguan seksual.<br>Tiada penguatkuasaan.   |

| Akta   | Seksyen      | Kekangan   |
|--|--------------|--|
| Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja (17 Ogos 1999)   |              | Majikan yang prihatin akan menggubal satu dasar berkaitan dan menunjukkan komitmen majikan untuk mewujudkan suasana yang selamat di tempat kerja.<br>Bagi majikan yang tidak berminat, tiada penalti boleh dikenakan kepada mereka |
| Pekeling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat kerja |              | Hanya tertakluk kepada penjawat awam dan tidak melibatkan masyarakat umum atau pekerja swasta yang lain.   |
| Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993  | Peraturan 4A | Terpakai kepada penjawat awam sahaja   |
| Tort-Gangguan Seksual  |              | Memakan masa yang lama dan kos yang tinggi.<br>Contoh kes Mohd Ridzwan Abdul Razak lwn. Asmah Hj Mohd Nor Kes ini mengambil masa selama 13 tahun sebelum Mahkamah memihak kepada mangsa.   |

Jadual 3: Kekangan Pelaksanaan Undang-undang Anti Gangguan Seksual di Malaysia

Sumber: (Abdullah, 2021); (Mahazir et al., n.d.)

Sehubungan itu, kelompongan perundangan sedia ada cuba ditambahbaik dengan penggubalan RUU Antigangguan Seksual 2021 yang pertama kali dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021. Ia adalah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women) (CEDAW) serta Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan kesamarataan setiap individu serta menolak sebarang bentuk diskriminasi termasuklah berdasarkan gender (Hansard Parliment, 19 Julai 2022).

RUU Antigangguan Seksual 2021 ini mengandungi empat bahagian, empat bab dan 27 fasal secara keseluruhannya. Empat bahagian tersebut merangkumi: (i) bahagian tentang perkara permulaan; (ii) bahagian berhubung penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual; (iii) bahagian berhubung dengan pentadbir antigangguan seksual; dan (iv) bahagian mengenai peruntukan am dan pelbagai. Tiga fokus utama RUU AGS 2001 ialah menyediakan suatu hak tebus rugi bagi mana-mana orang yang diganggu secara seksual, penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual dan menggalakkan kesedaran tentang gangguan seksual.

### **Tribunal bagi Anti Gangguan Seksual**

Penubuhan Tribunal bagi Anti Gangguan Seksual ini telah dicetuskan ideanya oleh mantan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada November 2019 yang bertujuan untuk mendengar dan menangani kes gangguan seksual di Malaysia (Berita Harian Online, 1 Disember 2019). Tribunal ini ditubuhkan bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mangsa dan mewujudkan

mekanisme pengaduan yang mudah supaya lebih ramai mangsa tampil mendapatkan pembelaan undang-undang selain turut menekankan aspek remedi perundangan dan penalti (Berita Harian Online, 1 Disember 2019).

Penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual merupakan salah satu fokus utama dalam RUU AGS 2021 ini seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian II iaitu bermula dari fasal 7 sehingga 23 antaranya menyentuh mengenai bidang kuasa , fungsi, kaedah dan tatacara, persidangan, award dan perintah serta penalti seperti yang diperincikan dalam Jadual 4 di bawah:

| Fasal | Penerangan   |
|-------|--|
| 7     | Bidang kuasa tribunal untuk mendengar apa-apa aduan gangguan seksual.  |
| 8     | Pengecualian bidang kuasa mahkamah jika suatu aduan gangguan seksual dibuat oleh mana-mana orang kepada tribunal.  |
| 9     | Penentuan kaedah-kaedah dan tatacara tribunal. <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) Prosiding tribunal hendaklah dijalankan mengikut apa-apa tatacara sebagaimana yang ditentukan oleh tribunal;</li> <li>(2) Tatacara tribunal hendaklah ditulis dan disiarkan dalam apa-apa cara sebagaimana difikirkan patut oleh Presiden;</li> <li>(3) Mempunyai kuasa untuk membuat perintah tertentu dalam menjalankan prosiding, seperti perintah <i>interlocutory</i> untuk memerintahkan pemuliharaan dan jagaan interim apa-apa keterangan bagi maksud pendengaran dan untuk memanggil pihak-pihak kepada prosiding;</li> <li>(4) Saman yang dikeluarkan oleh tribunal hendaklah disampaikan dan dikuatkuasakan seolah-olah saman itu merupakan suatu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah;</li> <li>(5) Aduan gangguan seksual berdasarkan imbangan kebarangkalian (<i>balance of probabilities</i>)</li> </ul>  |
| 10    | Aduan gangguan seksual boleh dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan.   |
| 11    | Setiausaha kepada tribunal hendaklah memberikan satu notis dalam borang yang ditetapkan kepada pengadu dan responden tentang butir-butir tentang hari, masa dan tempat pendengaran apabila suatu aduan ganggu seksual dibuat.  |
| 12    | Persidangan tribunal hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) ditentukan oleh Presiden. Panel persidangan adalah terdiri daripada Presiden atau Timbalan Presiden atau mana-mana anggota tribunal lain yang dilantik sebagai seorang Pengerusi dan mana-mana dua orang anggota tribunal lain yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(c).</li> <li>(2) Panel setiap persidangan tribunal hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang wanita.</li> <li>(3) Sekiranya pengerusi yang mempengerusikan mana-mana prosiding berkenaan dengan suatu aduan gangguan seksual meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya atau atas apa-apa sebab lain tidak boleh menyelesaikan atau melupuskan prosiding itu, aduan gangguan seksual itu hendaklah didengar dan diteruskan dan dipengerusikan oleh mana-mana Pengerusi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Presiden.</li> <li>(4) Jika mana-mana anggota tribunal yang disebut dalam perenggan 12(1)(b) meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya atau atas apa-apa sebab lain tidak boleh menyelesaikan atau melupuskan prosiding itu, Presiden hendaklah melantik mana-mana anggota tribunal lain kepada panel itu untuk meneruskan prosiding itu.</li> <li>(5) Jika tempoh pelantikan mana-mana Pengerusi atau pun anggota tribunal habis semasa apa-apa prosiding belum selesai berkenaan dengan suatu aduan gangguan seksual, tempoh pelantikannya hendaklah disifatkan telah dilanjutkan sehingga pelupusan muktamad aduan gangguan seksual itu.</li> </ul> |
| 13    | Hak untuk hadir pada suatu pendengaran di hadapan tribunal iaitu; <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) tiap-tiap pihak kepada prosiding berhak hadir dan didengar pada pendengaran di hadapan tribunal.</li> <li>(2) tiada pihak boleh diwakili oleh seorang peguam bela dan peguam cara pada sesuatu pendengaran di hadapan tribunal.</li> <li>(3) Subfasal 13(3) suatu pihak yang merupakan seorang yang belum dewasa atau mana-mana yang tidak berupaya, boleh diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga ad item nya dan tribunal boleh</li> </ul>   |

|    |  |
|----|--|
|    | mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh tribunal untuk memastikan bahawa pihak yang satu lagi kepada prosiding itu tidak diletakkan dalam keadaan yang merugikan secara substantial.  |
| 14 | Pendengaran kes di hadapan tribunal hendaklah tertutup kepada orang awam.  |
| 15 | Kuasa untuk mendengar dan menentukan aduan gangguan seksual dalam ketidaaan mana-mana pihak kepada prosiding jika dibuktikan sehingga tribunal berpuas hati bahawa satu notis pendengaran telah disampaikan kepada pihak yang tidak hadir itu dengan sewajarnya.   |
| 16 | Tribunal adalah dibenarkan untuk membantu pihak-pihak untuk merundingkan bagi suatu penyelesaian yang dipersetujui bila masa sesuai dan penyelesaian yang dipersetujui itu hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu award tribunal.   |
| 17 | Rujukan boleh dibuat kepada Hakim Mahkamah Tinggi mengenai sesuatu persoalan undang-undang. Awardnya hendaklah bertepatan dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang berhubungan dengan persoalan undang-undang tersebut.<br>Seorang Peguam Persekutuan yang diberi kuasa oleh Peguam Negara boleh hadir bagi pihak tribunal dalam apa-apa prosiding  |
| 18 | Tribunal hendaklah menerima pakai apa-apa tatacara sebagaimana yang difikirkan patut oleh tribunal jika tiada peruntukan dibuat yang berhubungan dengan tatacara tribunal.   |
| 19 | Tribunal hendaklah membuat awardnya dalam masa 60 hari dari hari pertama pendengaran di hadapan tribunal bermula dan award itu hendaklah disertai dengan sebab bagi award atau penolakan aduan gangguan seksual itu bersama dengan apa-apa dapatan fakta yang diambil maklum oleh tribunal atau syor yang telah dibuat oleh tribunal dalam prosiding itu.  |
| 20 | Perintah-perintah yang boleh dibuat oleh tribunal dalam membuat award.   |
| 21 | Penalti jenayah bagi ketidakpatuhan apa-apa award yang dibuat oleh tribunal.<br>Award tribunal ialah untuk membuat mana-mana satu atau lebih perintah yang berikut;<br>(i) suatu perintah bagi responden untuk mengeluarkan satu pernyataan permohonan maaf kepada pengadu;<br>(ii) suatu perintah bagi responden untuk menyiarkan suatu pernyataan permohonan maaf; dan<br>(iii) suatu perintah bagi responden untuk membayar pampasan atau ganti rugi yang tidak melebihi RM250,000 bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh pengadu atau suatu perintah bagi pihak-pihak untuk menghadiri apa-apa program sebagaimana yang difikirkan perlu oleh tribunal. |
| 22 | Award yang dibuat oleh tribunal adalah muktamad, mengikat semua pihak kepada prosiding dan disifatkan sebagai suatu perintah mahkamah dan hendaklah dikuatkuasakan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu   |
| 23 | Mana-mana pihak kepada prosiding tribunal boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mencabar suatu award dalam prosiding itu hanya atas alasan ketidakteraturan yang serius yang menjelaskan award itu.   |

Jadual 4: Bahagian II, RUU Antigangguan Seksual 2021

Sumber: RUU Antigangguan Seksual 2021, Hansard Parlimen bertarikh 19 Julai 2022.

Secara asasnya, fungsi tribunal bagi antigangguan seksual adalah bertujuan untuk mendengar aduan kes berkaitan gangguan seksual (Fasal 7). Tribunal bagi antigangguan seksual akan menentukan aduan gangguan seksual tersebut berdasarkan imbanginan kebarangkalian (balance of probabilities) (Fasal 9). Tribunal berhak menolak sesuatu aduan gangguan seksual yang dianggap remeh. Selain itu, mahkamah tidak akan campur tangan dalam mana-mana aduan gangguan seksual yang telah dibuat oleh mana-mana orang kepada tribunal (Fasal 8) melainkan sekiranya rujukan dibuat kepada Mahkamah Tinggi mengenai sesuatu persoalan undang-undang (Fasal 17) atau apabila mana-mana pihak kepada prosiding tribunal memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mencabar sesuatu award (Fasal 23).

Pendengaran kes di hadapan tribunal adalah tertutup kepada orang awam (Fasal 14). Pihak-pihak iaitu pengadu dan pelaku (penganggu) tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara pada sesuatu pendengaran di hadapan tribunal kecuali sekiranya pihak-pihak yang terlibat itu merupakan seorang yang belum dewasa atau mana-mana yang tidak berupaya, dia boleh diwakili

oleh sahabat wakil atau penjaga ad litem nya (Fasal 13). Persidangan tribunal akan dianggotai oleh Presiden atau Timbalan Presiden atau mana-mana anggota tribunal lain yang dilantik sebagai Pengerusi (Fasal 21). Salah seorang dari tiga orang panel bagi setiap persidangan tribunal hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang wanita (Fasal 12).

Selain itu, tribunal hendaklah memberikan award dalam tempoh 60 hari (Fasal 19). Tribunal boleh memerintahkan pelaku gangguan seksual untuk membayar pampasan atau ganti rugi sehingga RM250,000 bagi sebarang kehilangan atau kerosakan ditanggung mangsa (Fasal 21). Tribunal juga boleh memerintahkan pelaku untuk mengeluarkan pernyataan permohonan maaf kepada pengadu dalam sebarang bentuk, selain perintah untuk pelaku menghadiri program yang difikirkan perlu (Fasal 21). Tribunal boleh membuat apa-apa perintah sampingan atau berbangkit atau relief sebagaimana yang perlu untuk menguatkuaskan apa-apa perintah yang dibuat oleh tribunal (Fasal 20). Penalti jenayah bagi kegagalan untuk mematuhi award boleh dikenakan kepada pelaku iaitu dua kali ganda dari nilai pampasan atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh 2 tahun. Sekiranya tiada pampasan diberikan kepada pengadu, penalti jenayah iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tempoh 2 tahun akan dijatuhkan kepada mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi suatu award yang dibuat oleh tribunal (Fasal 21).

## PENUTUP

Penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual ini adalah sangat bertepatan sebagai mekanisme penyelesaian alternatif kes gangguan seksual di Malaysia. Walaupun RUU AGS 2021 yang menjadi punca kuasa bagi tribunal bagi antigangguan seksual telah diluluskan di Parlimen pada 20 Julai 2022, namun adalah penting untuk ia segera dikuatkuaskan selepas ia digazetkan. Beberapa aspek perlu diberikan perhatian oleh pihak pelaksana RUU terutamanya KPWKM antaranya berkaitan aksesibiliti perkhidmatan, pentadbir dan kuasa pentadbir, kriteria ahli panel tribunal, mekanisme pengaduan yang praktikal, bentuk perlindungan yang diberikan kepada pengadu sepanjang tempoh prosiding tribunal termasuk perkhidmatan kaunseling dan jaminan keselamatan kepada pengadu serta penubuhan jawatankuasa khas untuk menguruskan aduan (Hansard Parlimen, 19 Julai 2022; Hansard Parlimen, 20 Julai 2022 dan Hansard Parlimen, 11 Ogos 2022).

Satu pelan tindakan yang komprehensif dari pihak KPWKM beserta garis panduan atau peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pengoperasian tribunal adalah keperluan terdesak ketika ini bagi memastikan tribunal ini boleh dimanfaatkan dan dapat memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada mangsa gangguan seksual. Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Pemantau dan Penilaian Khas adalah perlu bagi memantau keberkesanan dan pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual ini. Sinergi antara pihak kementerian dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) perlu diteruskan terutamanya dalam menjalankan program literasi dan advokasi berkaitan gangguan seksual kepada masyarakat sekaligus turut boleh mewar-warkan perkhidmatan tribunal ini sebagai salah satu mekanisme pengadilan alternatif kepada mangsa.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. (2021). Gangguan Seksual: Peranan Parlimen dalam Penggubalan Undang-undang dan Polisi yang Relevan. *Journal of the Malaysian Parliament*, 1, 194–222.

- <https://jurnalmp.parlimen.gov.my/jurnal/index.php/jmp/article/view/38>  
Berita Harian Online, 1 Disember 2019, Tubuh Tribunal Khas Tangani Kes Gangguan Seksual  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/633850/tubuh-tribunal-khas-tangani-kes-gangguan-seksual>
- Faridah Awang, Raja Kamariah Raja Mohd Khalid, & Azyyati Mat Zam. (2020). Pemahaman dan Pengalaman Gangguan Seksual dalam Kalangan Masyarakat Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society*, 16, 132–158. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=152299>
- Hansard (Penyata Rasmi) Parlimen bertarikh 19 Julai 2022, Dewan Rakyat, Mesyuarat ke-2, Penggal ke-5, Parlimen ke-14
- Hansard (Penyata Rasmi) Parlimen bertarikh 20 Julai 2022, Dewan Rakyat, Mesyuarat ke-2, Penggal ke-5, Parlimen ke-14
- Hansard (Penyata Rasmi) Parlimen bertarikh 11 Ogos 2022, Dewan Negara, Mesyuarat ke-2, Penggal ke-5, Parlimen ke-14
- Mahazir, N. A., Noor, T., Bt, A., & Zainudin, T. (n.d.). *Pemakaian Undang-Undang Tort Dalam Tuntutan Saman Gangguan Seksual Di Malaysia*
- Polis Diraja Malaysia (PDRM), 19 Oktober 2021), Keratan Akhbar Pilihan: 11,914 Kes Gangguan Seksual Dalam Tempoh 4 Tahun. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2021/10/09/keratan-akhbar-pilihan-11-914-kes-gangguan-seksual-dalam-tempoh-4-tahun>
- Rozana Abdullah. (2021). Gangguan seksual: peranan Parlimen dalam penggubalan undang-undang dan polisi yang relevan. *Journal of the Malaysian Parliament*, 1(November).
- Siti Marziah, Z., Nor Bayah, A. K., & Nor Hazila, M. L. (2019). Gangguan Seksual: Tragedi yang Tidak Didedahkan dan Kesan kepada Mangsa. *Journal of Management & Muamalah*, 9(1), 13–21.
- Syarifah Fathynah, 21 Julai 2017. Gangguan Seksual Dalam Sukan: Selamatkah Kita? <https://isn.gov.my/gangguan-seksual-dalam-sukan-selamatkah-kita/>
- Warta Oriental, 29 September 2022, 57 Peratus Wanita 18-30 Tahun Alami Gangguan Seksual Berbentuk Lisan Tahun Lalu. <https://wartaoriental.com/2022/09/29/57-peratus-wanita-18-30-tahun-alami-gangguan-seksual-berbentuk-lisan-tahun-lalu/>

### Kes

*Loganathan Maniam lwn. Murphy Sarawak Oil Co Ltd* (2020) 2 ILR 275  
*Mohd Ridzwan Abdul Razak lwn. Asmah Hj Mohd Nor* [2016] 6 CLJ 346

### Statut

- Akta Hubungan Perusahaan 1967
- Akta Kerja (Pindaan) 2012
- Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Kanun Kesejahteraan Sosial
- Kod Amalan Membasmi dan Mencegah Gangguan Seksual
- Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Rang Undang-undang (RUU) Antigangguan Seksual 2021